



## PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

1. Pengesahan dalam perkhidmatan bermaksud proses memperakukan pegawai memenuhi semua syarat dalam skim perkhidmatan atau apa-apa syarat lain yang ditentukan dari semasa ke semasa.
2. Peraturan-Peraturan Universiti Malaysia Terengganu (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan Pegawai) 2015 (P.U.A UMT 2015) menetapkan seseorang pegawai yang dalam tempoh percubaan perlu memenuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan dan apa-apa syarat lain yang ditentukan oleh Universiti sebelum disahkan dalam perkhidmatan.
3. Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang seseorang pegawai perlu dipenuhi adalah seperti berikut:
  - (a) memenuhi tempoh percubaan selama 1 – 3 tahun;
  - (b) hadir Program Transformasi Minda (PTM) dan lulus peperiksaan dengan jayanya;
  - (c) lulus peperiksaan yang ditetapkan;
  - (d) mencapai markah LNPT dengan purata 80% dan ke atas;
  - (e) diperaku oleh Ketua Jabatan; dan
  - (f) syarat tambahan bagi pengesahan dalam perkhidmatan ahli akademik adalah tertakluk kepada perakuan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) berdasarkan penerbitan jurnal dan penyeliaan pelajar siswazah.
    - i) Bagi ahli akademik, syarat tambahan pengesahan dalam perkhidmatan adalah seperti mana di bawah :

GRED	SYARAT
Pensyarah Universiti DS45	Sekurang-kurangnya 1 penulisan artikel jurnal berindeks Scopus/ERA diterbitkan selepas lantikan di UMT.
Pensyarah Universiti DS51	Sekurang-kurangnya; <ol style="list-style-type: none"><li>i) 2 penulisan artikel jurnal berindeks Scopus/ERA dan</li><li>ii) Penyeliaan seorang pelajar Sarjana selepas lantikan di UMT.</li></ol>
Pensyarah Universiti DS53	Sekurang-kurangnya; <ol style="list-style-type: none"><li>i) 3 penulisan artikel jurnal berindeks Scopus/ERA dan</li><li>ii) Penyeliaan 2 orang pelajar Sarjana selepas lantikan di UMT.</li></ol>

Profesor VK7	Sekurang-kurangnya; i) 4 penulisan artikel jurnal berindeks Scopus/ERA dan ii) Penyeliaan 2 orang pelajar Ph.D dan seorang pelajar Sarjana selepas lantikan di UMT.
Profesor VK6	Sekurang-kurangnya; i) 5 penulisan artikel jurnal berindeks Scopus/ERA dan ii) Penyeliaan 2 orang pelajar Ph.D dan 2 orang pelajar Sarjana selepas lantikan di UMT.
Profesor VK5	Sekurang-kurangnya; i) 6 penulisan artikel jurnal berindeks Scopus/ERA dan ii) Penyeliaan 2 orang pelajar Ph.D dan 3 orang pelajar Sarjana selepas lantikan di UMT.

\*Nota: 1. Penyeliaan 2 orang pelajar sarjana diwakili oleh penyeliaan seorang pelajar Ph.D.

2. Penerbitan artikel jurnal berindeks ERA setakat tahun 2017 sahaja diterima untuk tujuan pengesahan jawatan.

4. P.U.A UMT 2015 Fasa 30(2) menetapkan jika seseorang pegawai belum memenuhi syarat untuk disahkan dalam perkhidmatan selepas melalui tempoh percubaan maksimum, pegawai boleh mengemukakan permohonan bagi pelanjutan tempoh percubaannya kepada Pendaftar melalui Ketua Jabatannya.
5. P.U.A UMT 2015 Fasa 30(4) menetapkan bahawa Naib Canselor boleh meluluskan permohonan pelanjutan tempoh percubaan jika terdapat alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa pegawai itu berupaya memenuhi syarat-syarat bagi pengesahan dalam tempoh pelanjutan yang dimohon dan Pendaftar mengesyorkan bahawa tempoh percubaan pegawai itu patut dilanjutkan.
6. P.U.A UMT 2015 Fasa 30(5) pula menyatakan tempoh percubaan seseorang pegawai hanya boleh dilanjutkan **tidak melebihi dua belas (12) bulan**, tetapi Naib Canselor boleh dalam keadaan khas melanjutkan tempoh percubaan melebihi 12 bulan jika difikirkan patut.
7. Tarikh penguatkuasaan penambahbaikan dan syarat baharu pengesahan dalam perkhidmatan ini bermula **1 April 2018**.

(Kelulusan Mesy. LPU Kali Ke-54 Bil.1 Tahun 2018 pada 13 Februari 2018)